



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMUPUKAN SEMANGAT PATRIOTISME DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH
MENENGAH MENERUSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH :
SATU KAJIAN KES TINGKATAN DUA

ABD SUKOR BIN YUSOF

NO. PEND. 2001-00239

SARJANA PENDIDIKAN
PENGURUSAN DAN PERKEMBANGAN KURIKULUM

FAKULTI SAINS KOGNITIF
DAN
PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MEI 2003



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Bahawanya saya mengaku sesungguhnya tesis ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya catatkan sumbernya.

12 MEI 2003

.....

ABD SUKOR BIN YUSOF
NO. PEND. 2001-00239

DEDIKASI

Buat Bonda,

Hajah Sariah Binti Mohd Said
Di Muar, Johor Darul Takzim
Bonda mertua,
Pn. Halimah Mohd Ibrahim
Di Melayu Sri Kundang,
Kuang, Selangor Darul Ehsan.

Adinda,
Siti Zaleha Binti Rashid
Di 2020 Kg. Tradisi, Sungai Choh,
Rawang, Selangor Darul Ehsan.

Anakanda,
Amanina,
Afifah,
Muhammad Akbar
dan
Muhammad Azri.

PENGHARGAAN

Dengan izin ALLAH S.W.T akhirnya , dapatlah saya menyiapkan kajian ini setelah melalui beberapa proses dan saingan untuk memastikan kesesuaian serta ketepatan keperluan kajian sebagai satu syarat utama bagi membolehkan ia diserahkan kepada Majlis Penilaian Penyelidikan untuk penganugerahan Sarjana.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Prof Madya Dr Nagendralingan Ratnavadevel dan dan Dr Rajendran Nagappan serta pensyarah-pensyarah di Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia yang telah banyak membimbing, memberi tunjuk ajar, nasihat, komen dan cadangan serta panduan kepada saya dalam menyediakan kajian ini.

Terim kasih tidak terhingga kepada isteri dan anak-anak yang memberikan sokongan dan memahami tugas di sepanjang perjuangan mengejar cita-cita dan keperluan untuk menuntut ilmu sepanjang hayat. Terima kasih juga kepada semua rakan-rakan seperjuangan sama ada di PASCA siswazah, guru-guru dan responden dan para pelajar tingkatan dua yang banyak membantu, menyumbang idea, tenaga dan berkongsi pengalaman di sepanjang proses menyiapkan tesis ini.

Semoga segala bantuan dan kerjasama anda hanya Allah S.W.T sahaja yang akan membalasnya. Amin.

Terima Kasih.

ABD SUKOR BIN YUSOF
2020 KG. TRADISI
SG. CHOH
48000 RAWANG
SELANGOR DARUL EHSAN.

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian koloberatif yang menggunakan pendekatan separa penyertaan untuk meninjau keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah dalam mewujudkan kesedaran tentang kepentingan pemupukan semangat patriotisme di kalangan pelajar. Lima unsur patriotisme sepertimana yang terdapat di dalam kurikulum sejarah iaitu bangga sebagai rakyat Malaysia, semangat setia negara, semangat kekitaan, berdisiplin dan berusaha diberi perhatian dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan 3 buah sekolah di daerah Hulu Selangor. Data diperolehi dengan beberapa cara iaitu pemerhatian 6 waktu pelajaran sejarah yang dikendalikan ke atas 6 orang guru, temuduga dijalankan kepada seramai 18 orang iaitu 6 orang guru dan 12 orang pelajar dan membuat analisis Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Dua KBSM 1986 dan Pindaan 2000. Cara yang digunakan untuk menganalisis data adalah seperti berikut. Di mana pemerhatian dilakukan dengan menggunakan 2 borang iaitu borang penggunaan masa dan borang pemerhatian yang terdiri daripada 5 item utama iaitu penyampaian pengajaran dan pembelajaran, komunikasi, pengurusan bilik darjah, sikap dan siasah dan pemupukan unsur patriotisme. Temuduga dibuat berdasarkan prosedur temuduga dan panduan temuduga yang dijalankan sebelum dan selepas proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Soalan yang dikemukakan sama ada dalam bentuk struktur dan tidak berstruktur. Temuduga ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran langsung daripada guru tentang usaha pemupukan semangat patriotisme menerusi proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di bilik darjah dan respon pelajar selepas pengajaran dan pembelajaran terhadap usaha tersebut. Analisis kandungan dibuat ke atas Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM (Tingkatan Dua)1986 dan Pindaan tahun 2000. Analisis ini dibuat dengan membuat perbandingan dari segi tema, membincangkan tentang isi kandungan dan tajuk. Data menunjukkan guru mempunyai kefahaman terhadap usaha pemupukan patriotisme di bilik darjah. Walaubagaimanapun guru dilihat kurang berjaya dalam menghubungkan antara kehendak kurikulum untuk memupuk semangat patriotisme dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru kurang berjaya memupuk semangat patriotisme secara berkesan sekadar di tahap pemikiran asas sahaja dan tidak ke arah pemikiran tinggi yang dapat mengubah pemikiran atau andaian pelajar. Antara kekangan yang dialami oleh guru ialah kekurangan bahan dan ketidakupayaan untuk membentuk kaedah pembelajaran yang sesuai. Data juga menunjukkan pelajar faham tentang patriotisme dan kaitannya dengan pembelajaran sejarah serta bersedia menjawab soalan aras tinggi yang mampu mencambah pemikiran mereka . Oleh itu mereka memerlukan bimbingan dan panduan guru yang bertindak sebagai pemudah cara.

ABSTRACT

This is a collaborative study using a partially participatory approach to explore the effectiveness of the inculcating patriotism amongst students through the teaching and learning of history. Five aspects of patriotism present in the history curriculum, namely, proud to be a Malaysian citizen; loyalty to nation, spirit of togetherness, discipline and endeavour were given attention in this study. This study was carried out in three secondary schools in the district of Hulu Selangor. Data was obtained through various means, such as observations of six history lessons conducted by six history teachers with a minimum of three years experience in teaching history, a total of 18 people consisting of six teachers and 12 students were interviewed. The data was subsequently coded and analysed qualitatively. In addition an analysis of the Form 2 KBSM history syllabus and the changes introduced in the year 2000 was done. Data was analysed in the following manner. Observation was done using two forms, one focusing on use of time and the other on the teaching-learning process and the inculcation of patriotism. The interviews were based on interview procedures and were carried out before and after the teaching-learning process. There were structured and unstructured questions. The interviews aimed at obtaining direct information, from the teachers, pertaining to the inculcation of the spirit of patriotism through the teaching-learning of history in the classroom. Content analysis was done on the KBSM History Syllabus (Form Two) 1986 and the amendments of the year 2000. This analysis was done by comparing the themes and discussing the content and topics. The findings of the study show that teachers have an understanding of the efforts needed for inculcating patriotism through the teaching of history. However, the teachers appeared to be less successful in linking curriculum requirements to inculcate patriotism to the teaching-learning process. The teaching-learning methods used by the teachers were less able to inculcate patriotism effectively. It was only at the basic thinking level and did not extend to higher level thinking that will change the thinking and assumptions of the students. Among the constraints experienced by the teachers was the lack of resources and the inability to structure appropriate teaching methods. The findings also showed that the students understood about patriotism and its relationship with the learning of history and were prepared to answer higher order thinking questions. Hence, the teachers need to guide the students through posing higher order thinking questions that will trigger their thinking and commitment.

Surat penghantaran kajian.....	i
Dedikasi	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Abstract	v
Bab 1 : Latar belakang kajian.....	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Pernyataan Masalah	6
1.2 Objektif Kajian	10
1.3 Persoalan kajian	11
1.4 Kepentingan kajian	11
1.6 Kekangan Kajian	13
1.7 Penjelasan konsep	15
1.8 Definasi Istilah	22
Bab 2 : Tinjauan Literatur	24
2.0 Pengenalan	24
2.1 Perkembangan Literatur	26
2.2 Rumusan	51
Bab 3 : Metodologi	54
3.0 Pengenalan	54
3.1 Reka bentuk kajian	56
3.2 Prosedur Kajian	59



3.3 penyelidikan Naturalistik.....60

3.4 Kajian Kes 61

3.5 Analisis Kandungan 69

3.6 Responden Kajian 70

3.7 Prosedur Kajian..... 70

3.8 Tatacara Pengumpulan Data71

3.9 Reka Bentuk Analisis 78 dan Tafsiran Data

Bab 4 : Dapatan Kajian91

Persoalan 191

Persoalan 2115

Persoalan 3 175

Kesimpulan190

Bab 5 : Rumusan 195

Bibliografi225



- 1 Borang Analisis Pengajaran dan Pembelajaran Guru di bilik darjah
- 2 Taksonomi Bloom
- 3 Pemerhatian : Proses Pengajaran dan Pembelajaran sejarah di bilik darjah.
- 3.1 Skala berdasarkan Taksonomi Bloom
- 4 Surat Pengakuan Peserta Kajian
- 5 Prinsip Prosedur Kajian
- 6 Panduan Temubual
- 7 Jurnal Refleksi Pelajar selepas P&P
- 8 Jurnal refleksi Guru selepas P&P
- 9 CD-Rom Pemerhatian
- 10 CD-Rom Temuduga Pelajar
- 11 Surat Kebenaran Menjalankan Kajian]

No. Jadual	Nama Jadual	MUKA SURAT
1	Pengumpulan dan Analisis Data	60
.2	Rekebentuk asas jenis-jenis kajian kes	62
3	Cara Perolehan data	71
4	Pemerhatian P&P (RG1)	170
4.1	Pemerhatian P&P (RG3)	171
4.2	Pemerhatian P&P (RG2)	172

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	NAMA RAJAH	MUKA SURAT
1.1	rekabentuk kajian	57
3.2	komponen rekabentuk kajian yang digunakan	57
3.2	Piawaian Hasil Kajian	58
3.3	Proses Prosedur, kutip dan Analisis Data	63
3.4	Matrik Jenis Kajian	65
3.5	Matrik Pembinaan Kajian Kes	73
3.6	Proses Pemerhatian	74
3.7	Sumber Analisis Kandungan	75
3.8	Hubungan Antara Kajian	86
3.9	Fokus dan Penekanan Semangat Patriotisme	114
4.0	Model Konseptual	220

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Pengenalan

Adakah patriotisme itu hanya terhad kepada mengibarkan bendera dan menyanyikan lagu ‘Negara Ku’sahaja? Adakah persoalan ini wujud kesan daripada kepesatan ekonomi negara yang menarik masuk pekerja-pekerja dan pendatang tanpa izin yang membawa nilai-nilai yang lain daripada budaya kita?

Adakah kurangnya kesedaran tentang penerapan unsur patriotisme menyebabkan kita mengambil mudah tentangnya? Adakah kita sudah yakin bahawa patriotisme itu akan wujud secara tersendiri? Keadaan masa kini membuktikan bahawa kita tidak boleh mengambil mudah tentang penerapan unsur patriotisme. Mesti ada cara yang sistematik untuk mengatasi masalah ini. Walaupun ada buku panduan, modul dan kertas kerja, adakah kefahaman guru sejarah terhadap konsep patriotisme hanya secara teknikal atau secara mendalam dan reflektif di mana mereka memang berfikir secara mendalam dan menghayatinya?

Penjajahan kuasa British di Tanah Melayu kira-kira 130 tahun lamanya jelas memberikan impak yang besar kepada masalah perpaduan kaum yang telah dididik, diasuh dan diasingkan oleh penjajah melalui dasar pecah dan perintah. Patriotisme di kalangan rakyat berbilang bangsa yang mencintai tanah air tempat kelahirannya dan sanggup berkorban untuk negaranya jelas masih kabur meskipun kemerdekaan menjelang tiba pada 31 Ogos 1957. Penyatuan orang Melayu jelas buat

pertama kalinya apabila British mencabar hak istimewa orang Melayu dan kedudukan raja-raja Melayu menerusi perlembagaan Malayan Union. Keperluan untuk menjaga kedaulatan raja-raja Melayu dan hak istimewa orang Melayu telah membangkitkan semangat patriotisme yang tinggi menentang penjajah pada masa itu. Pengenalan sistem pendidikan bercorak kebangsaan telah mengubah senario ini apabila keperluan untuk membina satu negara Malaysia yang bersatu serta menjiwai semangat patriotisme.

Mulai pada tahun 1956 apabila British mula melepaskan tanggungjawab bahagian pendidikan kepada orang tempatan dengan itu satu jawatankuasa telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Dato Abdul Razak Bin Hussein telah dibuat dengan pada awalnya ditugaskan untuk menggubal dan membentuk satu sistem pelajaran kebangsaan yang dapat diterima oleh semua kaum dan rakyat Tanah Melayu yang merdeka . Keperluan untuk merancang satu sistem pendidikan kebangsaan yang dapat menyatukan rakyat Malaysia yang kosmopolitan demi kepentingan perpaduan dan pembangunan negara.

Jawatankuasa tersebut telah membentangkan laporan yang dirujuk sebagai laporan Penyata Razak 1956. Laporan tersebut telah meberikan satu penekanan yang jelas tentang kepentingan perpaduan sebagai agenda utama yang dapat dibentuk melalui sistem pendidikan yang diterima pakai oleh semua rakyat Tanah Melayu tanpa mengira kaum, agama dan latarbelakang ekonomi. Mereka menerima bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah kebangsaan manakala bahasa Cina dan bahasa Tamil di sekolah vernakular. Struktur, masa persekolahan yang sama, kemudahan asas pendidikan yang sama diberikan dan sistem peperiksaan juga diadakan dan diuruskan oleh Kementerian Pelajaran.

Perpaduan kebangsaan diharapkan dapat dibentuk dan diperkukuhkan menerusi sistem

pendidikan yang seragam dengan menggunakan sukatan pelajaran yang sama, berlatar belakang Tanah Melayu dan penggunaan buku teks yang sama dan memperlihatkan unsur-unsur patriotisme ditekankan. Peristiwa hitam dalam sejarah negara pada 13 Mei 1969 telah menyebabkan perlunya nilai-nilai patriotisme itu diterapkan dalam sanubari warga negara Malaysia. Patriotisme yang dibentuk akan menekankan aspek persamaan kaum yang dilihat menjadi isu besar pada masa itu.

Dato Seri Dr Mahathir Mohamed telah menyatakan maksud persamaan kaum sebagai satu yang “membayangkan nilai-nilai yang tertentu dan nilai itu berbeza mengikut taraf yang diterima oleh sesuatu masyarakat.” (Mahathir,1979:74) Oleh itu perbezaan nilai ini perlu dirapatkan agar jurangnya tidak menjadi satu halangan dalam membentuk sebuah negara Malaysia yang bersatu padu dan harmonis. Menurutny lagi “.....asas perpaduan kaum ialah satu kumpulan etnik yang mengamalkan bahasa, kebudayaan dan agama yang sama serta tinggal dalam satu kawasan yang bersempadankan keadaan alam tertentu.” (Mahathir,1979:117). Melalui penerapan unsur-unsur patriotisme di sekolah ia dipercayai akan dapat merapatkan jurang yang sedia ada kepada satu perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air dan sanggup berkorban dan mempertahankan kepentingan negara untuk keperluan bersama tanpa mengira perbezaan kaum dan agama.

Kurikulum sejarah telah dirombak kali kedua apabila diperkenalkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah pada tahun 1992. Sejarah lebih dilihat dari kacamata Malaysia (*Malaysia centric*) dan mata pelajaran sejarah menjadi mata pelajaran wajib atau teras di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Penekanan mula diberikan kepada penerapan unsur-unsur patriotisme. Perasaan patriotisme perlu wujud di hati setiap individu rakyat Malaysia yang berbilang kaum kerana semangat patriotik dapat membentuk rakyat Malaysia yang bersatu padu dan harmoni. Mata



pelajaran sejarah menjadi teras kepada usaha penerapan unsur-unsur patriotisme. Pelajar yang mempelajari disiplin sejarah akan dapat membuat penilaian dan analisis fakta sejarah secara rasional dan dapat membentuk disiplin diri yang kuat berdasarkan perasaan cintakan negara.

Patriotisme juga berkaitan dengan unsur-unsur ekonomi dan globalisasi. Kalau rakyat tidak bersatu padu, kita tidak dapat mengatasi masalah ekonomi secara berkesan tetapi kalau bersatu bukan berdasar kaum tetapi bangsa Malaysia maka masalah dan cabaran dengan mudah dapat ditangani. Seperti rakyat berbilang bangsa di Malaysia telah mendermakan emas dan beberapa barang berharga milik mereka kepada dana harta untuk menghadapi kegawatan ekonomi pada tahun 1998.

Dari segi politik negara yang stabil akan menarik pelabur asing melabur di Malaysia. Salah satu asas yang penting ialah rakyat yang memiliki patriotisme. Cabaran dunia tanpa sempadan dan globalisasi sudah pasti memerlukan rakyat yang patriotik dan bersatu padu di bawah nama bangsa Malaysia sepertimana yang dinyatakan bahawa satu keperluan kepada prinsip globalisasi yang menjurus kepada kepentingan kumpulan dan idea kumpulan untuk bertindak secara globalisasi. Patriotisme penting dalam hubungan yang bercorak globalisasi di masa depan. Kita berfikir secara global, bertindak secara tempatan. Kita juga harus berfikir secara tempatan tetapi bertindak secara global (Kimata,1990,118).

Negara Jepun sejak zaman Meiji lagi telah memberi penekanan kepada nilai patriotisme yang berasaskan kepada fahaman konfusianisme yang mengutamakan kumpulan dan negara bukannya individu. Menurut Azhar (2000) masyarakat Jepun mementingkan konsep “kewajipan atau ‘giri’ terhadap orang dalam yang merujuk kepada keluarga, saudara terdekat, orang dari tempat asal,



rakan belajar, orang yang menjalankan perniagaan yang sama, minat yang sama dan kumpulan lain” (m.s, 313). Pengalaman saya membuktikan bahawa seorang warganegara Jepun akan bertindak mewakili kumpulannya bukan dirinya sendiri dalam menyatakan sesuatu pendapat, pandangan dan kenyataan tentang sesuatu isu. Sikap melindungi kepentingan kumpulan merupakan satu nilai patriotisme yang telah diterapkan sejak di zaman pemerintahan putera Raja Shotoku dalam tahun 604 masihi. Ini dinyatakan dalam isi kandungan Artikel 17, 604 T.M. Menurut Craig (1989) “..dalam membuat sesuatu keputusan yang penting, ianya perlu melibatkan pendapat orang ramai bukan pendapat individu” (m.s 25-26). Mereka bersatu padu dalam membangunkan semula negaranya setelah terlibat dalam konflik dunia dan seterusnya menjadi kuasa industri, ekonomi dan negara maju pada hari ini.

Wajarlah Malaysia yang sedang menuju ke arah sebuah negara maju menerusi wawasan 2020 perlu menimba pengalaman dan iktibar daripada proses penggubalan dan penerapan unsur-unsur patriotisme di Jepun sebagai persediaan menghadapi cabaran alaf baru ini. Kajian ini bertujuan mengkaji sejauh mana unsur-unsur patriotisme berjaya diterapkan di sekolah Menengah di Malaysia bagi membentuk bangsa Malaysia sebagaimana Jepun membentuk rakyatnya yang patriotik kepada negaranya. Apakah unsur-unsur patriotisme yang ditekankan? Bagaimanakah ianya dilaksanakan? Apakah kekangan–kekangan yang dihadapi?

Banyak komen tentang semangat patriotisme di kalangan pelajar yang dikatakan semakin luntur dan terhakis di akhbar dan majalah seperti masalah dan gejala vandalisme dan merosakan harta benda awam termasuklah kemudahan telefon, perhentian bas dan tandas awam. Kejadian remaja terlibat dalam gejala mencuri kebel elektik, lumba haram, mencuri motosikal dan beberapa gejala tidak sihat yang melibatkan golongan remaja pada hari ini. Melihat kepada permasalahan ini jelas kepada kita timbul pertanyaan bagaimanakah bentuk generasi yang akan kita didik dan hasilkan untuk tahun 2020 nanti? Matapelajaran sejarah menjadi tunjang dalam perlaksanaannya di peringkat sekolah menengah. Sejarah merupakan mata pelajaran teras yang wajib diambil oleh semua pelajar yang menduduki sijil terbuka dalam Sijil Peperiksaan Malaysia.

Satu analisa yang konkrit perlu dibuat tentang konsep patriotisme. Apakah definisi patriotisme yang sebenar? Bagaimanakah konsep patriotisme yang dinyatakan di dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan dua? Adakah isi kandungan buku teks sejarah tingkatan dua mengandungi unsur-unsur patriotisme yang dihasratkan oleh kurikulum sejarah tingkatan dua? Adakah guru mempunyai kesedaran tentang kepentingan pemupukan semangat patriotisme di kalangan pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran sejarah? Adakah kesedaran guru terhadap kepentingan pemupukan semangat patriotisme selaras dengan perlaksanaannya di bilik darjah dalam situasi yang sebenar?

Penerapan unsur patriotisme di sekolah dilaksanakan oleh guru di bilik darjah berdasarkan sukatan pelajaran sejarah yang sedia ada. Bagaimanakah bentuk kandungan sukatan pelajaran sejarah tingkatan 2 yang digunapakai oleh guru dan pelajar kita pada hari ini? Adakah ianya mampu

mencetuskan semangat patriotisme kepada pelajar kita dengan hanya membacanya? Sejauhmanakah isi kandungan sukatan sejarah tingkatan 2 ini mampu melahirkan pelajar yang patriotik? Apakah kelebihan dan kekurangan yang ada di dalamnya? Penilaian perlu dibuat untuk melihat adakah matlamat pendidikan sejarah mampu memupuk semangat setia negara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia di kalangan pelajarnya? Sejauhmanakah proses pengajaran dan pembelajaran sejarah dapat membentuk keupayaan menganalisa dan menilai kesan sejarah serta mengambil iktibar daripada sesuatu peristiwa supaya dapat melahirkan insan yang matang, berkeyakinan dan berani meneroka sesuatu yang baru dan bersedia hidup dalam harmoni, bersatu padu serta mempunyai semangat patriotisme yang tinggi.

Kandungan kurikulum sejarah memberi penekanan kepada pengetahuan tentang sejarah negara dan nilai-nilai yang dapat memupuk semangat patriotisme. Adakah perkembangan kurikulum jelas dipengaruhi oleh proses politik di negara kita? Benarkah setiap kali berlaku perubahan pucuk pimpinan terutama selepas pilihanraya maka akan berlaku pertukaran dalam pemimpin Kementerian Pendidikan yang akan mempengaruhi perkembangan kurikulum. Kerajaan yang memerintah bertanggungjawab menetapkan Dasar Pendidikan Negara. Wiles Bondi (1989) menjelaskan tentang pengaruh politik dalam pembentukan sesuatu kurikulum (Bondi, 1989) Kajian ini akan melihat adakah ianya turut mempengaruhi usaha-usaha penerapan unsur-unsur patriotisme di sekolah? Saya cuba memahami dan menilai pelajar sebagai individu yang bebas dan mempunyai kehendak tertentu dapat dibentuk dan dibimbing serta menghasilkan satu mekanisma pertahanan sendiri yang tinggi melalui penerapan unsur-unsur patriotisme oleh guru di bilik darjah setelah melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Adakah perkara seperti faktor minat dan perkembangan individu sama ada dari segi kognitif, psikomotor dan afektif akan mempengaruhi tahap patriotisme pelajar.

Guru memainkan peranan utama dalam menentukan keberkesanan dan kejayaan usaha

penerapan unsur-unsur patriotisme di sekolah. Apakah kaedah yang sesuai dan berkesan untuk melaksanakannya? Adakah keperluan untuk menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan akan menghalang usaha-usaha penerapan unsur-unsur patriotisme secara bersepadu dan berkesan. Benarkan guru sejarah telah diberi latihan dan pendedahan yang mencukupi untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut? Proses pengajaran dan pembelajaran sejarah yang berfokuskan guru sudah pasti akan menggagalkan usaha melahirkan pelajar yang berkemahiran kritis dan kreatif serta patriotik dan bertindak sebagai ahli sejarahwan dalam mencari kebenaran sesuatu fakta bukan menerima semata-mata. Apakah unsur-unsur patriotisme yang perlu dilihat dan dikaji? Adakah unsur patriotisme yang dikenalpasti di bawah mencukupi untuk mewakili dan mengukur tahap patriotisme pelajar?

Saya akan meneroka dan mengenal pasti sejauh mana pelajar-pelajar mempunyai ciri-ciri patriotisme yang telah dikenalpasti iaitu:

Berbangga sebagai rakyat Malaysia

Bersemangat setia negara

Bersemangat kekitaan

Berdisiplin

Berusaha dan produktif

Adakah guru mampu menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk memupuk semangat patriotisme di kalangan pelajar tingkatan 2 menerusi pengajaran dan pembelajaran sejarah tingkatan 2. Kenalpasti kekangan yang menghalang guru dalam menerapkan unsur-unsur patriotisme di bilik darjah. Mengapakah timbul masalah dalam mengubah kaedah

pengajaran dan pembelajaran yang berfokuskan guru kepada pelajar seperti mana hasrat dan kehendak Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah? Adakah keadaan di dalam bilik darjah memberikan masalah untuk menerapkan unsur-unsur patriotisme? Adakah ketidakupayaan pelajar mencari, meneroka dan menganalisa maklumat menghalang mereka menjadi seorang warganegara yang patriotik? Adakah kekurangan latihan dan ketiadaan kursus yang dapat membantu guru sejarah menerapkan unsur patriotisme menjadi masalah utama dari segi perlaksanaannya? Kenalpasti kefahaman guru tentang pentingnya penerapan unsur patriotisme melalui proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah berdasarkan soal selidik dan pemerhatian proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Bagaimanakah tahap patriotisme pelajar kita? Sejauhmanakah matlamat pendidikan sejarah sepertimana yang dihasratkan telah mencapai matlamatnya? Kalau tidak tercapai sepenuhnya apakah kekurangan yang wujud? Bagaimanakah masalah ini boleh diperbaiki dan ditingkatkan lagi? Apakah kelebihan dan kekuatan yang kita ada dalam mencapai matlamat tersebut?

Kajian ini juga cuba melihat kemampuan guru dalam menguasai isi kandungan kurikulum dalam pemupukan semangat patriotisme melalui proses pengajaran dan pembelajaran sejarah tingkatan 2. Sebagai rumusan yang kajian ini akan mengkaji adalah bagaimanakah pengurusan dan perkembangan kurikulum mata pelajaran sejarah dapat dikendalikan untuk memupuk semangat patriotisme di kalangan pelajar. Apakah kelebihan dan kekurangan dan apakah yang perlu di buat?



Berasaskan pernyataan masalah objektif kajian adalah seperti berikut:

1. membuat analisis kandungan kurikulum sejarah tingkatan 2 untuk menentukan fokus dan penekanan yang diberikan kepada pemupukan semangat patriotisme.
2. mendapatkan satu gambaran deskriptif tentang kemampuan guru untuk menerapkan unsur patriotisme di kalangan pelajar seperti yang dihasratkan oleh kurikulum sejarah.
3. mengenalpasti faktor–faktor lain yang mempunyai implikasi terhadap pemupukan semangat patriotisme menerusi pengajaran dan pembelajaran sejarah di bilik darjah.
4. merangka dan memberikan satu contoh yang sesuai untuk penerapan unsur–unsur patriotisme melalui kurikulum sejarah di Malaysia.



1.3 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan cuba menjawab persoalan-persoalan kajian berikut:

1. Apakah fokus dan penekanan yang diberikan dalam pemupukan semangat patriotisme dalam sukatan pelajaran sejarah tingkatan 2.
2. Sejauh manakah guru dapat memupuk secara berkesan unsur patriotisme menerusi pengajaran dan pembelajaran sejarah di kalangan pelajar tingkatan 2.
3. Apakah faktor-faktor lain yang mempunyai implikasi terhadap pemupukan semangat patriotisme menerusi pengajaran dan pembelajaran sejarah di bilik darjah?

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

1. Kajian ini akan membuka ruang dan jalan untuk kajian lanjutan kepada pengkaji yang berminat agar ianya mampu membentuk satu penegasan kepada kurikulum ala Malaysia berasaskan pemupukan semangat patriotisme melalui pengajaran dan pembelajaran sejarah di bilik darjah menjadi tunggak utama dalam memastikan kejayaan sesuatu inovasi dalam kurikulum sejarah secara bersepadu dan berkesan.
2. Kajian ini juga dapat mengenalpasti kekangan-kekangan yang dihadapi oleh guru dalam usaha menerapkan unsur-unsur patriotisme di sekolah dari segi kurikulum, konsep, kaedah pedagogi, hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Negara serta tuntutan dan kehendak masyarakat. Peranan

dan pengaruh media juga perlu diambil kira sebagai faktor luar yang boleh mempengaruhi sikap dan pendirian pelajar terhadap unsur-unsur patriotisme.

3. Hasil daripada kajian ini akan dapat membantu pihak Pusat Perkembangan Kurikulum, ahli politik, masyarakat dan pihak guru untuk memahami dan mengenali keadaan sebenar yang berlaku di sekolah semasa proses pelaksanaan penerapan unsur-unsur patriotisme yang dilaksanakan mengikut kehendak kurikulum dan matlamat pendidikan sejarah berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

4. Kajian ini juga akan membuka ruang kepada usaha penerapan unsur-unsur patriotisme melalui penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan kreatif dalam usaha mencapai matlamat inovasi dalam kurikulum sejarah sebagai satu pendidikan bestari dan pemusatan pelajar melalui penggunaan multi media dan kekuatan sumber yang ada.

5. Kajian ini penting dalam usaha menjadikan guru sebagai masyarakat penghasil yang mampu membentuk individu pelajar yang berdisiplin, berdaya tahan dan mempunyai semangat patriotisme yang tinggi khususnya dalam membentuk pemimpin pelapis yang berjiwa Malaysia, berfikir dan bertindak berlandaskan inspirasi dan kehendak negara berteraskan agama Islam sebagai agama rasmi negara.

6. Kajian ini juga membolehkan kita memahami dengan lebih dekat dan mendalam tentang usaha-usaha penerapan unsur patriotisme yang dijalankan di sekolah dan mengenalpasti unsur-unsur patriotisme yang diberi penekanan dan apakah kaedah yang digunakan untuk menerapkan unsur-unsur patriotisme tersebut kepada golongan pelajar.

7. Kajian ini dapat membantu kita memahami peranan guru dalam pengurusan dan perkembangan kurikulum sejarah serta memberi panduan kepada guru tentang bagaimana memupuk semangat patriotisme menerusi proses pengajaran dan pembelajaran .
8. Objektif pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah perlu menitik beratkan pelaksanaan semangat kebangsaan dalam aktiviti di dalam dan luar bilik darjah . Agar ianya lebih berkesan dan berterusan serta kekal dalam minda pelajar. Di manakah letaknya hubungan antara kedua-dua bahagian kurikulum ini dan bagaimanakah ianya dapat membantu dalam usaha penerapan unsur-unsur patriotisme.
9. Pemupukan Semangat patriotisme atau cintakan negara perlu dihidup dan disemarakkan untuk membentuk rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, sedia berbakti, sedia berkorban untuk negara, sedia menaikkan dan menjaga nama negara serta secara tidak langsung akan memantapkan lagi ketahanan mental, fizikal dan emosi dalam diri generasi muda, generasi harapan negara.

1.5 Kekangan Kajian

Kajian ini membuat penyelidikan tentang keberkesanan pemupukan semangat patriotisme melalui proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di bilik darjah. Kajian ini dihadkan kepada pelajar tingkatan 2 di 3 buah sekolah di Daerah Hulu Selangor.

1. Belum ada kajian yang dibuat tentang keberkesanan penerapan unsur-unsur patriotisme di kalangan pelajar sebelum dan selepas serta semasa proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di bilik darjah.



2. Kenalpasti apa yang sebenarnya berlaku semasa P& P berlangsung di bilik darjah dari segi reaksi pelajar, tindakan guru, aspek-aspek bilik darjah yang menjadi penghalang proses pengajaran dan pembelajaran serta lain-lain perkara yang relevan.
3. Andaian implicit bahawa pelajar yang tidak menunjukkan motivasi dan kesungguhan untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran di bilik darjah mempunyai tahap patriotisme yang rendah manakala pelajar yang terlibat secara aktif akan mempunyai pendirian yang berbeza yakni tinggi tahap patriotismenya.
4. Kekangan peperiksaan dan kehendak keluarga. Sejauhmanakah keperluan untuk cemerlang dan lulus peperiksaan sepertimana kehendak masyarakat dan keluarga menjadi satu halangan serta mempengaruhi usaha penerapan unsur-unsur patriotisme di sekolah.
5. Memberikan cadangan untuk meningkatkan usaha penerapan unsur-unsur patriotisme di kalangan pelajar di sekolah melalui proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di bilik darjah.
6. Kajian ini merupakan kajian kes dan adalah berdasarkan persempalan kecil di 3 buah sekolah sahaja ia mempunyai tahap generalisasi yang rendah.



1.6 Penjelasan Konsep

Beberapa penjelasan telah diberikan tentang konsep penting berkaitan kajian ini iaitu:

1. Patriotisme

Mengikut kamus terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1989:917), patriotisme adalah perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air. Mengikut Webster (1990:178), patriotisme bermaksud “love of country,” or “ devotion to the welfare of one’s country,”Walter (1997:1) mendefinisikan patriotisme sebagai “those who are in love their country simply because it is their country- because it is the birthplace and the mansion of their father”. Menurut Takeshita (1991:23) patriotisme adalah “satu nirwana bagi roh mereka di sini di bumi Jepun”.

Berdasarkan beberapa definasi yang diberikan saya telah mendefinasikan patriotisme sebagai “semangat cintakan tanahair dan berbangga sebagai warganegara merdeka di atas tempat kelahiran yang sama di bumi Malaysia”. Terdapat beberapa pendapat yang dipegang berkaitan dengan unsur- unsur patriotisme menurut Lewenstein ‘pemahaman dan pengetahuan sejarah boleh mempengaruhi kesetiaan seseorang warganegara kepada negaranya (Lewenstein 1963:72). Krug pula berpendapat sejarah merupakan asas penting dalam membentuk asas perpaduan kebangsaan dan perasaan cinta terhadap negara serta bersemangat patriotik. Manakala Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah mendifinisikan patriotisme sebagai perasaan yang kuat terhadap tanah air. Saya memilih untuk menggunakan takrifan PPK tentang patriotisme.



2. Pemupukan unsur-unsur Patriotisme

Perasaan cintakan tanah air ini perlu wujud di hati setiap individu rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Sehubungan itu, semangat patriotisme dapat membentuk rakyat Malaysia yang bersatu padu dan harmoni. Justeru, berdasarkan pengetahuan dan pemahaman aspek-aspek sejarah negara, murid dibimbing untuk menganalisis dan menilai fakta-fakta sejarah secara rasional. Natijah daripada pemahaman dan penghayatan sejarah negara, para pelajar dapat membina kekuatan semangat cinta akan negara (PPK, 2000, 4).

Saya berpendapat penerapan unsur-unsur patriotisme adalah satu usaha untuk menanamkan semangat cintakan negara melalui proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di bilik darjah untuk menghasilkan pelajar yang berbangga sebagai rakyat Malaysia dan sentiasa cintakan tanahairnya walau di mana ia berada.



Lima unsur utama yang terdapat dalam penerapan unsur-unsur patriotisme (PPK, 2000, 4)

iaitu :

- 1.1 rasa bangga
- 1.1 semangat setia negara
- 1.2 semangat kekitaan
- 1.3 berdisiplin
- 1.4 berusaha



3. Kurikulum

Menurut Bernstein (1971) kurikulum merangkumi aspek isi kandungan, pedagogi dan penilaian sebagai tiga sistem maklumat. Menurut Daud Hamzah (1993), kurikulum pada keseluruhannya mesti berasaskan kerangka Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang biasanya merupakan satu ideologi yang dipegang oleh negara. Jadi jelas kepada kita bahawa perkembangan kurikulum mesti selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan, ideologi sosial, ideologi pendidikan dan matlamat kurikulum. Tyler (1949) telah mendefinisikan kurikulum sebagai segala pembelajaran yang dirancang dan diarahkan oleh sekolah bagi mencapai matlamat pendidikan. Kurikulum hendaklah mengandungi aktiviti –aktiviti akademik dan bukan akademik yang boleh membantu murid-murid mencapai perkembangan dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Ini menunjukkan kepentingan kurikulum dalam membentuk pengalaman yang dirancang mestilah sesuai dengan umur, kebolehan, minat dan kematangan. Eggleston (1977) pula telah memberikan dua perspektif kurikulum iaitu perspektif terimaan di mana kandungan kurikulum merupakan pengetahuan yang diterima, diberikan dan diwariskan serta perspektif reflektif iaitu kandungan kurikulum merupakan pengetahuan yang boleh dirunding, dikritik serta di bantah. Fullen dan Pomfret (1977) mengatakan aspek-aspek kurikulum boleh dilihat dari lima dimensi iaitu bahan, struktur, peranan, pengetahuan dan kefahaman. Tanner (1980) mengaitkan kurikulum dan guru sebagai satu prinsip di mana guru bertindak sebagai peniru yang bergantung kepada buku teks, buku kerja, dan kegiatan rutin untuk mengajar sesuatu mata pelajaran. Sebagai pengantara tentang perlunya mengintegrasikan kandungan kurikulum dengan keadaan yang muncul. mengadaptasi, mengubahsuai dan menyelaraskan tuntutan kurikulum. Guru sebagai pereka yang kreatif sentiasa meneliti kurikulum dengan mendalam dan mencari serta mengenalpasti keutamaan-keutamaan yang perlu ditekankan.

Wheeler (1967) pula menyatakan kurikulum sebagai satu model proses kurikulum yang mengandungi perkara-perkara berikut iaitu tujuan, matlamat dan objektif pembelajaran, pemilihan pengalaman pembelajaran, pemilihan isi atau kandungan, organisasi dan integrasi pengalaman, pembelajaran dan kandungan serta penilaian. Wheeler berpendapat bahawa kurikulum merupakan 'core' kepada 'business' pendidikan. Ia merupakan satu rancangan pendidikan yang membendung segala ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan norma serta unsur-unsur kebudayaan dan kepercayaan yang menjadi pilihan masyarakat untuk diwariskan kepada ahli-ahli dari satu generasi kepada satu generasi lain. Menurut Beauchamp (1968), kurikulum ialah dokumen bertulis yang menyatakan isi mata pelajaran yang akan diajar.

Oliva (1974) mendefinisikan kurikulum sebagai "apa yang diajar di sekolah, senarai matapelajaran, sukatan, rancangan pengajian, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, jadual pengajian, senarai objektif pencapaian, kursus pengajian, perkara-perkara yang berkaitan dengan sekolah termasuklah aktiviti luar bilik darjah, kepimpinan dan hubungan antara manusia yang diajar secara langsung dan tidak langsung di sekolah, semua yang dirancang oleh pentadbir sekolah". (Peter F. Olivia, 1997, p. 4). Menurut Posner and Rudnitsky (1997), kurikulum merupakan satu proses yang memberikan gambaran sebenar tentang perkara yang diajar dan pengertian asas kurikulum di kalangan masyarakat biasa tentang apa yang diajar di sekolah atau apa yang sepatutnya dipelajari. Ia tidak hanya merujuk kepada apa yang berlaku di sekolah atau apa yang berlaku dalam proses pembelajaran. Kurikulum menyediakan senarai kehendak-kehendak dan senarai keperluan pembelajaran yang diperlukan (Posner and Rudnitsky: 1997: 8). Hunkin (1987) mentakrifkan "kurikulum sebagai satu proses politik. Ia melibatkan hubungan antara manusia dan bidang kuasanya dan pandangan mereka tentang perkara yang terbaik untuk sistem pendidikan". (Francis, 1987, 27). Inlow (1966) berpendapat kurikulum sebagai usaha yang

dirancang oleh pihak sekolah untuk membimbing pelajarnya agar dapat memperoleh hasil pembelajaran yang telah ditentukan. Saylor dan Alexander (1974) pula menyatakan kurikulum adalah rancangan yang mengadakan peluang pembelajaran yang bertujuan untuk memperoleh pelbagai matlamat dan objektif yang digariskan oleh pihak sekolah untuk keseluruhan pelajarnya. Menurut Stenhouse (1975), "kurikulum merupakan satu usul untuk menyampaikan prinsip dan ciri-ciri asas satu unsur pendidikan dalam satu bentuk yang terbuka kepada penelitian secara kritis dan mempunyai potensi untuk diterjemahkan secara reflektif dalam amalan. Ia juga melibatkan kedua-dua isi kandungan dan kaedah serta dalam erti kata yang luas memberi perhatian kepada masalah perlaksanaannya."

Dalam konteks Malaysia, rancangan pendidikan adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan individu dan negara. Dalam Laporan Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran 1979, kedua-dua keperluan dihuraikan seperti berikut: Peranan kurikulum dalam pendidikan adalah untuk membina perkembangan murid yang lengkap dari segi jasmani, rohani, akal dan emosi serta menyemai, menanam dan memupuk nilai-nilai akhlak yang diingini, di samping menyampaikan ilmu pengetahuan. Dalam konteks negara Malaysia, kurikulum juga berperanan untuk melahirkan rakyat yang mendokong cita-cita negara dalam mewujudkan perpaduan yang berpandukan rukunegara di samping menghasilkan tenaga rakyat yang terlatih untuk keperluan negara (Laporan Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979). Dalam proses menyediakan warganegara Malaysia dengan pendidikan yang lengkap bagi mengisi dua keperluan utama iaitu keperluan individu dan keperluan negara, kurikulum perlu dirancang dan diurus dengan teliti. Ini amat penting untuk menentukan supaya kurikulum ini sesuai dengan keperluan dan berkualiti cemerlang.

Pembangunan tenaga manusia dan tenaga rakyat menjelang abad ke 21 tidak terhad kepada penyediaan dan pembekalan tenaga pekerja yang berketrampilan dalam sektor-sektor perindustrian dan perdagangan sahaja. Fokus kurikulum adalah terhadap pembinaan insan dan pembangunan negara. Perkara ini amat jelas jika kita teliti pernyataan yang dibuat oleh Y.A.B. Perdana Menteri yang telah menghuraikan bentuk, corak dan tumpuan yang perlu dilakukan. *"Kita mestilah mempunyai hasrat untuk mencapai taraf yang setinggi-tingginya dari segi ketrampilan pada rakyat kita, dari segi penghargaan mereka akan kemahiran dan pengetahuan serta kemajuan diri, dari segi kemampuan diri, dari segi kemampuan berbahasa, dari segi sikap mereka terhadap kerja dan disiplin, dari segi motivasi mereka terhadap kecemerlangan dan terhadap mendorong semangat keusahawanan"*. (Malaysia Melangkah Ke Hadapan, hal. 21).


Bagi tujuan kajian ini saya menggunakan takrif Stenhouse (1975) tentang kurikulum dan saya akan menilai kesesuaian kurikulum sejarah tingkatan 2 untuk mewujudkan pentingnya pemupukan semangat patriotisme di kalangan pelajar menerusi pengajaran dan pembelajaran sejarah di bilik darjah.

4. Penilaian Kurikulum

Menurut definisi CARE, (Center of Applied Research in Education), penilaian merupakan satu kajian tentang apa manusia buat dan berfikir pada masa tertentu dan di tempat tertentu. Ia merupakan satu kajian kes tentang tindakan sosial. Misinya adalah **'utilitarian'** iaitu untuk menunjukkan sejauhmana tindakan yang di ambil efektif untuk mencapai apa yang dihasratkan serta mengenal pasti kekurangan dalam pencapaian dan mencadangkan cara-cara atau tindakan yang boleh diambil untuk memastikan nilai yang menjadi asas tindakan dapat dipupuk secara lebih efektif.

Kalau dicantumkan kurikulum dan penilaian kajian ini dikatakan sebagai penilaian dalam kurikulum atau penilaian kurikulum. Di sini saya ingin merujuk kepada pandangan Stake (1971) menyatakan bahawa “penilaian pendidikan adalah **exploratory**”. Ia akan membiasakan pembaca dengan apa yang dilakukan oleh pendidik dan pelajar. Ia lebih menfokuskan kepada program yang spesifik dan bukan kepada beberapa program umum. Satu penilaian yang lengkap akan menghasilkan cerita yang akan disokong oleh statistik dan profil. Ia akan menceritakan tentang apa yang berlaku. Ia akan mendedahkan persepsi dan tindakan kumpulan-kumpulan yang berlainan serta individu. Di samping itu juga ia akan memberi gambaran tentang kelebihan dan kekurangan. Sebagai bonus ia mungkin akan mengemukakan beberapa generalisasi sebagai panduan dalam menilaikan keberkesanan program-program pendidikan di masa akan datang. Reka bentuk kajian adalah berdasarkan kepada rajah di bawah.

Rajah 1.1 di bawah menunjukkan rekabentuk kajian



PEMUPUKAN SEMANGAT PATRIOTISME MENERUSI MATAPELAJARAN SEJARAH?

1.7 Definasi Istilah

1. Fokus Kurikulum

Fokus merujuk kepada penguasaan pengetahuan dan kemahiran-kemahiran asas yang boleh diperolehi daripada kurikulum sejarah tingkatan 2 khususnya dalam memupuk semangat patriotisme. Fokus pengisian kurikulum sejarah yang dimaksudkan lebih tertumpu kepada penguasaan pengetahuan sejarah dan kemahiran asas yang mampu memupuk semangat patriotisme menerusi pengajaran dan pembelajaran sejarah di bilik darjah. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sejarah untuk mewujudkan kesedaran tentang pentingnya pemupukan semangat patriotisme.

2. Penekanan Kurikulum

Penekanan merujuk kepada perkara-perkara yang diberikan tumpuan seperti mana yang terkandung di dalam kurikulum sejarah tingkatan 2 sebagai sebuah pengalaman yang dirancang dan dikemukakan oleh pihak-pihak sekolah dan institusi pengajian tinggi untuk membimbing pelajar memperolehi hasil pembelajaran yang ditetapkan terlebih dahulu menurut kadar keupayaan masing-masing dengan keadaan yang paling baik sekali (Neagley & Evens, 1967).



3. Memupuk semangat

1

Merupakan usaha untuk menanam dan menyemai perasaan dan membawa kepada perubahan sikap terhadap perasaan cintakan negara menerusi pengajaran dan pembelajaran sejarah di bilik darjah.

4. Faktor-faktor lain

Merujuk kepada perkara-perkara lain yang mempengaruhi pemupukan semangat patriotisme menerusi proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah seperti buku teks dan persekitaran.

